

Kes demam denggi dan chikungunya semakin menular di negara kita terutamanya di bandar-bandar besar.

Lihat iklan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan. Lengkapkan contoh jawapan dengan kata yang sesuai. **SP 3.6.2**

[KBAT] Menganalisis; Mencipta

[15 markah]

sekecil

semburan

nyamuk

membanteras

membersihkan

jangkitan

menyeru

pencegahan

premis

meluangkan

Iklan menunjukkan kempen pencegahan wabak demam denggi dan chikungunya yang memfokuskan usaha (1) _____ yang bermula di rumah. Memandangkan kaedah (2) _____ demam denggi dan chikungunya adalah melalui vektor yang sama, Kementerian Kesihatan Malaysia (3) _____ masyarakat meningkatkan aktiviti pencegahan seperti membersihkan kawasan kediaman dan (4) _____ masing-masing bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Masyarakat disarankan agar (5) _____ masa sekurang-kurangnya 10 minit setiap hujung minggu bagi (6) _____ sekitar rumah. Hal ini yang demikian kerana, usaha (7) _____ ini berupaya untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Dalam masa yang sama, tingkap dan pintu rumah kediaman perlu dipasang jaring (8) _____. Masyarakat disarankan juga menggunakan (9) _____ aerosol bagi menghapuskan nyamuk dewasa. Natijahnya, sikap mementingkan aspek kebersihan di rumah akan membantu (10) _____ wabak demam denggi dan chikungunya.

[____ patah perkataan]